



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
26 Jun 2019 (RABU)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MENJUNJUNG KASIH TUANKU
MUKA SURAT	3

toyota.com.my




Menjunjung Kasih Tuanku

**DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI
ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN, YANG DI-PERTUAN
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Berkenan merasmikan sambutan
50 tahun pengeluaran kenderaan Toyota di Malaysia
pada 25 Jun 2019 (Selasa).





TOYOTA
ALL ABOUT THE DRIVE

UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. (60576-X) TALIAN BEBAS TOYOTA: 1800-8-TOYOTA (1800-8-869682) dari 8.00 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat. E-MEL TOYOTA: customersupport@toyota.com.my
Warna, aksesori dan/atau spesifikasi model yang tersedia mungkin berbeza daripada yang dipaparkan di sini.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	KILANG KEDUA DI BUKIT RAJA PACU SASARAN UMW TOYOTA MOTOR
MUKA SURAT	25



Sultan Sharafuddin menerima replika kunci daripada Hamad Kama pada Sambutan 50 Tahun Pengeluaran Toyota di Malaysia, di Bukit Raja, Klang, semalam. Turut kelihatan, Amirudin (dua dari kanan).

Kilang kedua di Bukit Raja pacu sasaran UMW Toyota Motor

➔ Kemudahan dilengkapi teknologi terkini bantu tingkat pengeluaran

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Pembukaan kilang pembuatan kedua milik UMW Toyota Motor Sdn Bhd (UMW Toyota Motor) di Bukit Raja di sini, bakal menjadi antara aset terpenting syarikat itu dalam merealisasikan sasarannya mengeluarkan kereta terbaik untuk rakyat Malaysia.

Pengerusinya, Tan Sri Hamad Kama Piah, berkata kilang yang dilengkapi teknologi terkini itu akan membolehkan UMW Toyota Motor meningkatkan pengeluaran bagi memastikan kecekapan operasi, selain kos

yang berdaya saing.

Katanya, kilang berkenaan yang mempunyai lima ciri utama, iaitu Kualiti Tinggi; Kecekapan Lebih Baik; Kemahiran Kakitangan Lebih Tinggi; Mesra Pekerja dan Mesra Alam.

Beliau berkata, bukan hanya kilang baharu itu mempromosikan suasana kerja yang selamat, ia juga menggunakan tenaga solar, sistem mengecut berasaskan air dan pelbagai inisiatif tenaga diperbaharui, seterusnya mengurangkan jejak karbonnya.

Penyumbang pertumbuhan pasaran

“Dengan perkembangan masa, Toyota berkembang dengan lancar, disokong oleh beribu-ribu rakyat Malaysia yang menjadikannya jenama pilihan. Dalam tempoh itu, jangkakan pelanggan berubah dan ada keperluan untuk kami berkembang bagi memenuhi pertumbuhan pasaran.

“Pada 2016, kami komited untuk membina kilang ini di Selangor. Keputusan ini didorong oleh sokongan kuat dan tidak berbelah-bahagi dari kerajaan Selangor.

“Lokasi di Kawasan Perindustrian Bukit Raja juga berdekatan dengan Pusat Pengedaran Kendaraan Toyota, yang boleh dihubungi melalui rangkaian lebuh raya yang baik ke destinasi penting di seluruh negara,” katanya pada Sambutan 50 Tahun Pengeluaran Toyota di Malaysia, di kilang pengeluarannya di Bukit Raja, Klang, semalam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan meraikan Sambutan 50 Tahun Pengeluaran Toyota di Malaysia.

Majlis berkenaan turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari; Duta Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa; Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah China dan Asia, Toyota Motor Corporation, Tatsuro Ueda dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Selangor Youth Community (SAY), Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pasangan Diraja itu turut dibawa meninjau operasi pembuatan kereta Toyota di kilang

pengeluaran terbaru itu.

Kilang berkenaan yang sudah mula beroperasi pada 10 Januari lalu, ketika ini menghasilkan dua model kereta penumpang, iaitu Toyota Vios dan Toyota Yaris, selain mampu mengeluarkan model kereta kenderaan cepak tenaga (EEV).

Ia mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 50,000 kereta setahun dan dibina di atas tapak berkeluasan kira-kira 670,000 meter persegi dengan nilai pelaburan RM2 bilion.

Satu lagi kilang pembuatan milik Toyota yang beroperasi di Shah Alam sejak 1968 kini menghasilkan kenderaan komersial iaitu Toyota Hilux, Toyota Fortuner, Toyota Innova dan Toyota Hiace.

Hamad berkata, UMW Toyota Motor juga komited meningkatkan usahanya menggunakan bahagian kenderaan yang dihasilkan syarikat tempatan, selaras dengan hala tuju kerajaan, bagi memberikan lebih banyak peluang kepada pembekal dan vendor tempatan untuk berkembang dan berjaya.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	SULTAN SELANGOR SEMPURNAKAN SAMBUTAN 50 TAHUN TOYOTA
MUKA SURAT	37

Sultan Selangor sempurnakan sambutan 50 tahun Toyota

KLANG 25 Jun - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat menyempurnakan sambutan 50 tahun pengeluaran kenderaan Toyota Malaysia (Toyota) di kilang pemasangan terbaharu kenderaan itu di kawasan perindustrian Bukit Raja, di sini hari ini.

Turut berangkat ke majlis sambutan berkenaan adalah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari; Duta Besar Jepun di Malaysia, Dr. Makio Miyagawa; Ketua Pegawai Eksekutif Toyota Motor China and Asia Region, Tatsuro Ueda dan Pengerusi UMW Toyota Motor (UMW Toyota Motor) Sdn. Bhd., Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Pada majlis berkenaan, Sultan Sharafuddin dan Tengku Permaisuri Norashikin turut berkenan melawat ruang pameran sambutan 50 tahun dan kilang seluas 67 hektar yang diken-



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH berkenan menerima replika kunci kereta jenis Yaris yang disampaikan Hamad Kama Piah Che Othman (tiga dari kiri) pada majlis meraikan 50 tahun pengeluaran kenderaan Toyota di Malaysia di Kilang Pemasangan Assembly Services Sdn. Bhd., Bukit Raja, semalam - BERNAMA

dalikan oleh anak syarikat milik penuh UMW Toyota Motor iaitu Assembly Services Sdn. Bhd.

Kilang berkenaan yang mula

beroperasi sejak 2 Januari lepas merupakan kilang pemasangan kenderaan kedua syarikat automotif itu selain di Shah Alam.

Terdahulu, Hamad Kama Piah dalam sembah ucapannya berkata, banyak peristiwa bersejarah tercatat sepanjang

50 tahun pengeluaran kenderaan jenama Toyota di negara ini malah ia juga menunjukkan jalinan hubungan diplomasi yang baik antara Malaysia dan Jepun.

Katanya, sejak UMW Toyota Motor mengeluarkan kereta pertama jenis Toyota Corolla pada 1968 secara pemasangan di kilang tempatan, kilangnya yang kemudian dikendalikan oleh ASSB telah menghasilkan 1.5 juta kenderaan sehingga kini.

"Malah, kilang pemasangan ASSB juga antara kilang pemasangan terbesar di negara ini. Pertumbuhan sektor automotif ini telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dalam pelbagai bidang.

"Reputasi yang tinggi dari segi ketahanan produk dan kebolehpasaran menjadikan kenderaan dari Jepun sentiasa mendahului jenama lain. Perkara ini dicapai menerusi pelbagai inovasi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti," katanya. - BERNAMA

AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	UMW TOYOTA CELEBRATES 50 YEARS OF CAR PRODUCTION
MUKA SURAT	16

UMW Toyota celebrates 50 years of car production

NST - Page - 16

KLANG: The joint venture between UMW Holdings Bhd and Toyota Motor Corp celebrated its 50th year of vehicle production in Malaysia at its RM2 billion plant in Bukit Raja, here, yesterday.

The joint venture, UMW Toyota Motor Sdn Bhd, brought in advanced manufacturing technology, high levels of automation and energy efficiency.

"Our new plant has been conceived as a society-caring plant and is less noisy. It operates on various renewable energy initiatives and has a low carbon footprint," said UMW Toyota chairman Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Operated by Assembly Service Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of UMW Toyota, the plant can assemble 50,000 vehicles a year and has 1,000 employees.

Construction of the plant kicked off in the second half of 2016 and it started operations on January 2 producing Toyota Vios and Toyota Yaris.

"With this state-of-the-art plant, UMW Toyota is able to level up production to ensure operational efficiency and cost-competitiveness," said Hamad Kama Piah. **Goh Thean Howe**



Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah (centre) officiating at the celebrations marking 50 years of Toyota vehicle production in the country in Klang yesterday. With him are (from left) Toyota Motor Corp Japan (China and Asia region) chief executive officer Tatsuro Ueda, Japanese ambassador to Malaysia Dr Makio Miyagawa, UMW Toyota Motor Sdn Bhd chairman Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Selangor Menteri Besar Amirudin Shari and other officials. PIC BY AZIAH AZMEE

AKHBAR	STAR BIZ
TAJUK BERITA	GOLDEN ANNIVERSARY
MUKA SURAT	3



Golden anniversary: Assembly Services Sdn Bhd executive director Anuar Abd Ani (right) showing a scale model of the Toyota Bukit Raja plant to Sultan Sharafuddin Idris Shah and Tengku Permaisuri Selangor Norashikin during the 50th anniversary celebration of Toyota production in Shah Alam yesterday. With them (from left): Selangor Menteri Besar Amirudin Shari, Puan Sri Rohani Mohamad, Selangor Princess Tengku Zatashah and Japanese ambassador to Malaysia Makio Miyagawa. — K.K. SHAM/The Star

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	PJ' PARKING SPACE HOARDERS WARNED
MUKA SURAT	4

PJ's parking space hoarders warned

Business owners cautioned against illegally blocking bays

FINDING parking spots around SS2 and Section 17 in Petaling Jaya on any day of the week is almost impossible, and this is compounded with unscrupulous business owners illegally hoarding available bays.

The problem of many parking spaces blocked by illegal structures like orange traffic cones, chairs and concrete poles is still rampant, despite strict enforcement by Petaling Jaya Municipal Council (MBPJ).

Moreover, parking in business-centric areas are always snapped up fast, so business owners have a penchant for reserving the bays by any means possible.

To address the parking shortage problem caused by misuse, MBPJ said in a statement that from January to May 31 this year, it issued 22 compounds and eight notices in

SS2, and 30 compounds and three notices in Section 17.

"These offences are classified under the Road, Drainage and Building Act 1974 (Act 133). Compounding and confiscation can be exercised if an individual or owner of the premises commits an offence by placing barriers on parking bays in Petaling Jaya.

"If found guilty, a fine of RM250 will be issued and if convicted, a fine not exceeding RM500 and the second and subsequent convictions shall not exceed RM1,000."

MBPJ said there were 2,122 on-street parking spaces in SS2 (including 52 rented by business owners) and 254 parking spaces in Section 17, including one rented bay.

All leased parking bays must be open to



An MBPJ enforcement officer removing traffic cones obstructing parking bays in SS2.

the public after 6.30pm, it added.

The public can register complaints through aduan@mbpj.gov.my, 24-hour hotline at 03-7954 2020, Facebook at www.facebook.com/mbpjaduan, website at <https://embpj.mbpj.gov.my>, or download the "eAduan MBPJ" mobile app from Google Playstore or Apple App Store.

book.com/mbpjaduan, website at <https://embpj.mbpj.gov.my>, or download the "eAduan MBPJ" mobile app from Google Playstore or Apple App Store.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	LUPUS SENYAP
MUKA SURAT	10

10

setempat

26-06-2019





Untuk video lengkap
www.hmetro.com.my/mymetrotv

HARIAN METRO



LUPUS SENYAP

■ Kilang berlesen ambil kesempatan import sampah tanpa permit

PEKERJA mengeluarkan sisa plastik dari dalam gumi.



LAMBAKAN SAMPAH IMPORT

Amir Abd Hamid dan Eklwan Haque Fazul Haque
am@hmetro.com.my

Kuala Langat

Ketika kerajaan berusaha ke arah mengawal pengimportan sisa plastik yang menjadi polemik antarabangsa, segelintir 'usahawan sampah' dikesan masih aktif menjalankan kegiatan biarpun premis mereka sudah disita.

Tujuan Harian Metro di daerah ini mengesan ada kilang berlesen namun tidak mempunyai Permit Import (PI) skrap plastik kod tariff 39.15 yang turut diperceyail

mengimport bahan berkenaan.

Gumi besar mengandungi sisa pepejal berasaskan plastik dari Korea, Republik Czech, Indonesia, Thailand dan Jepun antara ditemui ketika wartawan menyusap masuk ke tapak sudah disita berkenaan.

Pulihah gumi berisi skrap atau sisa plastik berkenaan diletakkan di bahagian belakang kawasan berkecemasan kebun sawit.

Terdahulu, di bahagian hadapan kilang yang berlesen wartawan turut melihat pekerja warga asing sibuk mengeluarkan sisa plastik dari kontena tanpa menghiraukan batu pengkilang dan meloyakan.

Intipan di beberapa lokasi di daerah ini juga mendedahkan masih ada pusat pemprosesan sampah beroperasi walaupun ada di antara premis itu sudah disita.

Sementara itu, Aktivis Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat Pua Lay Peng berkata, pemodal luar negara kini giat mencari tapak di negara ini untuk dijadikan kilang pemprosesan sisa kitar semula dari serata dunia.

Ia memandangkan Malaysia masih belum menyekat sepenuhnya pengimportan sisa pepejal.

"Mereka usahawan luar negara ada modal yang besar, tetapi tidak dapat jalankan operasi di negara sendiri. Ini kerana polisi kerajaan mereka sudah selat (kemasukan sisa pepejal).

"Jadi Malaysia dijadikan lokasi apabila ada penduduk tempatan yang sanggup bersekongkol untuk

Malaysia dijadikan lokasi apabila ada penduduk tempatan yang sanggup bersekongkol untuk menyewakan premis atau kawasan di sekitar Kuala Langat untuk dijadikan pusat pemprosesan terbaru."

Pua berkata, apa yang membimbangkan kewujudan pusat pemprosesan itu menyebabkan berlakunya pencemaran udara dan air.

"Ini kerana rata-rata pengusaha tidak mematuhi garis panduan pemprosesan yang ditetapkan pihak berkuasa khususnya Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Katanya, kegagalan mematuhi garis panduan itu menyebabkan penduduk terpaksa menghidu udara tercemar dan persekitaran berbau plastik terbakar setiap hari.

Menurutnya, sisa air dari pusat pemprosesan yang dialirkan ke Sungai Langat pula berpotensi mengandungi bahan kimia beracun kerana tidak dineutralkan sebelum dibuang.

"Pihak berkuasa perlu lebih aktif menjalankan pemeriksaan dan pemantauan khususnya pusat pemprosesan haram

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	LUPUS SENYAP
MUKA SURAT	11

>> **Kilang terbabit bukan pemegang AP dan tiada lesen sah import sisa plastik**

26-06-2019

setempat

11

HARIAN METRO

Menteri sahkan kilang tiada permit

Kuala Langat: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengesahkan salah satu kilang memproses dan menyimpan sisa plastik di daerah ini tidak mempunyai Permit Import (AP) sisa plastik.

Justeru, kilang itu melakukan kesalahan apabila menyimpan puluhan gumi besar mengandungi sisa plastik import seperti dari Korea, Jepun, Republik Czech, Indonesia dan Thailand.

Menteri KPKT Zuraida Kamaruddin berkata, kilang itu bukan pemegang AP dan tiada lesen sah untuk mengimport sisa plastik di bawah kod HS39.15 Jabatan Pengurusan Sisa dan Pepejal Negara (JPSPN).

"Syarikat (itu) bukan pemegang AP HS39.15 JPSPN," katanya mengulas hasil tinjauan Harian Metro di daerah ini mendapati masih ada kilang memproses sisa plastik import.

Zuraida menjawab demikian menerusi aplikasi WhatsApp selepas diberikan gambar dan video bukti penemuan berguni-guni besar sisa plastik import di bahagian belakang sebuah kilang yang bersempadan kebun kelapa sawit di sini.

Ditanya berkenaan pemodal dari negara luar giat mencari tapak pelupusan dan kitar semula sisa plastik di negara ini dengan menggunakan nama pengusaha tempatan sebagai proksi, katanya beliau akan meneliti perkara itu.

Selain itu, beliau juga menjelaskan pindaan akta dan peraturan berhubung kesalahan syarikat tiada AP atau memiliki AP sisa plastik namun disalahguna, sedang dalam proses penambahbaikan.

Media pada 8 Jun lalu melaporkan hanya 62 syarikat memegang lesen sah untuk mengimport sisa plastik di bawah kod 39.15 selepas permohonan untuk AP dibuka semula Oktober lalu.

Julai tahun lalu, KPKT mengumumkan pemberian AP sisa plastik dihentikan untuk tempoh tiga bulan susulan insiden pencemaran serius di Kuala Langat, Selangor yang dikatakan berpunca daripada kilang memproses plastik import secara haram.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) Mohamad Zain A Hamid berkata, pihaknya tidak mempunyai kuasa bagi tindakan pengimportan sisa plastik dari luar negara.

"Bagi kilang kitar semula yang mengimport sisa plastik dari negara luar adalah di bawah tanggungjawab JPSPN.

"Pihak MDKL hanya memantau dan mengambil tindakan sekiranya pihak kilang melanggar peraturan dan syarat ditetapkan oleh MDKL," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor Sha'ee Yasin ketika dihubungi berkata, pihaknya akan meneliti dan memantau perkara itu.

LONGGOKAN guni mengandungi sampah.

PENCEMARAN bersempadan kilang.

“Bagi kilang kitar semula yang mengimport sisa plastik dari negara luar adalah di bawah tanggungjawab JPSPN. Pihak MDKL hanya memantau dan mengambil tindakan sekiranya pihak kilang melanggar peraturan dan syarat ditetapkan oleh MDKL.”

Mohamad Zain

Kalsuna Katerun berkata, daripada 28 kod plastik boleh diimport hanya kod HS39.15 iaitu lebihan proses dari kilang plastik memerlukan AP.

Katanya, sebanyak 18 syarat dengan penambahan lebih ketat bagi memastikan hanya sisa plastik bersih saja yang dibenarkan diimport ke negara ini.

BEBERAPA guni besar yang diimport dari luar negara.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	BINA KILANG RM2B
MUKA SURAT	31



SULTAN Sharafuddin berkenan meraikan Sambutan 50 Tahun Pengeluaran Toyota di Malaysia.

Bina kilang RM2b

■ Kemudahan UMWT di Klang keluar 50,000 unit setahun

Lizam Ridzuan

lizamridzuan@hmetro.com.my

Klang

UMW Toyota Motor Sdn Bhd (UMWT), pengimport, pemasang dan pengedar kenderaan jenama Toyota di negara ini memperuntukkan pelaburan sebanyak RM2 bilion bagi pembinaan kilang pengeluaran baharu di Klang, Selangor.

Pengerusinya, Tan Sri Datuk Sri Hamad Kama Piah Che Othman berkata, pembangunan yang bermula sejak 2016 di Kawasan Perindustrian Bukit Raja itu

memulakan operasinya pada awal tahun ini dengan kapasiti pengeluaran 50,000 unit setahun.

"Kilang pemasangan ini dilengkapi teknologi pembuatan termaju dengan automasi robot bertahap tinggi, rekaan yang inovatif serta tahap penggunaan tenaga yang efisien," katanya pada Majlis Meraikan 50 Tahun Pengeluaran Kenderaan Toyota di Malaysia, semalam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan meraikan Sambutan 50 tahun Pengeluaran Toyota di Malaysia.

Majlis berkenaan turut dihadiri Menteri Besar Selangor,

Amirudin Shari, Duta Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa, Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah China dan Asia Toyota Motor Corporation, Tatsuro Ueda dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Selangor Youth Community (SAY), Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pasangan Diraja itu turut dibawa meninjau operasi pembuatan kereta Toyota di kilang pengeluaran terbaharu itu.

Kilang itu yang berkeluasan 670,000 meter persegi dengan ciri mesra alam termasuk penggunaan tenaga baharu.

Usahasama UMW Corporation bersama Toyota Motor

Corporation (TMC) sejak 1968 itu dimulakan dengan kilang pemasangan di Shah Alam melalui pengeluaran model Toyota Corolla KE10 serta pengeluaran sekitar 38,000 unit setahun dicatatkan ketika ini.

Melalui kilang baharu ini, ia kini menyumbang kepada peningkatan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta penambahan kepada pembekal dan vendor di Malaysia untuk lebih kandungan komponen tempatan selaras dengan polisi kerajaan.

Ia kini menghasilkan dua model kereta penumpang iaitu Toyota Vios dan Toyota Yaris selain mampu mengeluarkan model kereta kenderaan cekap tenaga (EEV).

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	LRA LABIHAN DAGANG FASA 1 SIAP
MUKA SURAT	20

LRA Labohan Dagang Fasa 1 siap

Tampung permintaan bekalan air untuk penduduk Kuala Langat

HASNIZA HUSSAIN

KUALA LANGAT

Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang Fasa 1 yang dibangunkan dengan kos pembangunan serta tanah bernilai RM587 juta kini siap sepenuhnya untuk memulakan operasi secara rasmi hari ini.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, LRA dengan kapasiti air terawat sebanyak 200 juta liter (JLH) itu dimulakan pembinaannya pada Julai 2017 di atas tanah seluas 26 hektar dan meng-

gunakan konsep pembangunan air di hiliran untuk dijadikan sumber air.

Beliau berkata, dengan siapnya LRA Labohan Dagang (Fasa 1) itu, daerah Kuala Langat khususnya kini akan mendapat bekalan air sendiri.

Menurutnya, sebelum ini, Kuala Langat merupakan kawasan di hujung sistem bekalan air dan tidak ada satu loji khusus untuk menampung permintaan air di daerah tersebut.

"Daerah Kuala Langat termasuk kawasan Klang merupakan kawasan terakhir dalam sistem agihan air dari Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 dan 3.

"Apabila berlaku gangguan bekalan air, kawasan Kuala Langat merupakan kawasan yang terakhir akan pulih. Tapi kini masalah itu dapat diatasi de-



Amirudin (kanan) menunjukkan LRA Labohan Dagang Fasa 1 yang boleh menampung keperluan bekalan air khususnya untuk penduduk Kuala Langat.

ngan adanya LRA Labohan Dagang Fasa 1 ini dan bekalan air daripada Sungai Selangor Fasa 1 dan 3 boleh ditumpukan kepada kawasan Lembah Klang," katanya, ketika berucap pada Majlis Penyerahan LRA Labohan Dagang di sini semalam.

Amirudin berkata, LRA itu juga secara berfasa akan mengambil alih bekalan air dari LRA Semenyih ke kawasan Beranang, sebahagian kawasan Hulu Langat dan pembangunan baharu di sepanjang Lebuhraya Lekas.

"Saya lega loji ini siap

dengan sempurna walaupun pada awalnya mendapat kecaman pelbagai pihak kerana projek ini dianggap satu pembaziran," katanya.

Dalam pada itu, Amirudin memberitahu LRA Labohan Dagang itu dibangunkan dengan rekaben-

tuk dan dilengkapi komponen-komponen serta peralatan berteknologi tinggi dan dioperasikan sepenuhnya secara automatik bagi menyalurkan bekalan air terawat ke Wilayah Kuala Langat yang selama ini menerima bekalan melalui LRA Semenyih, LRA Labu dan LRA Sungai Selangor.

Beliau berkata, loji terbabit turut mempunyai empat unit pam yang berfungsi mengedap dan menyalurkan air terawat ke kolam imbingan dan seterusnya ke sistem agihan.

Katanya, turut dibina sebuah tangki menara dengan kapasiti 2.3 JLH bagi kegunaan bangunan kimia, surau, kuarters, bangunan pentadbiran, stor & bengkel, bangunan Telekom, sub stesen elektrik dan pondok pengawal serta pembinaan kolam imbingan Bukit Jugra.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	50 TAHUN BERTAPAK DI MALAYSIA
MUKA SURAT	33

50 tahun bertapak di Malaysia

Pengeluaran kenderaan Toyota bukti hubungan baik Malaysia, Jepun

AZIE YAHAYA

KLANG

Banyak peristiwa bersejarah tercatat sepanjang 50 tahun pengeluaran kenderaan jenama Toyota di negara ini, sekali gus menunjukkan jalinan hubungan diplomasi yang baik antara Malaysia dan Jepun.

Pengerusi UMW Toyota Motor (UMW Toyota Motor) Sdn Bhd, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman berkata, kilang seluas enam hektar diken-

dalikan oleh anak syarikat milik penuh UMW Toyota Motor iaitu Assembly Services Sdn Bhd (ASSB) merupakan antara kilang pemasangan terbesar di negara ini.

Menurutnya, setakat ini ASSB telah menghasilkan sebanyak 1.5 juta kenderaan.

"Pertumbuhan sektor automotif ini juga telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dalam pelbagai bidang.

"Reputasi yang tinggi dari segi ketahanan produk dan kebolehpercayaan menjadikan kenderaan dari Jepun sentiasa mendahului jenama lain. Perkara ini dicapai menerusi pelbagai inovasi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Meraikan 50 Tahun



Sultan Sharafuddin (tiga dari kanan) dan Tengku Permaisuri Norashikin (empat dari kanan) melihat replika kilang ASSB di kawasan perindustrian Bukit Raja semalam.

Pengeluaran Kenderaan Toyota di Malaysia di kilang pemasangan terbaru kenderaan itu di kawasan perindustrian Bukit Raja di sini semalam.

Sultan Selangor, Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Sela-

ngor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan berangkat menyempurnakan majlis itu.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor Amirudin Shari; Duta Besar Jepun di Malaysia Dr Makio Miyagawa dan Ketua Pegawai

Eksekutif Toyota Motor China and Asia Region, Tatsuro Ueda.

Hamad Kama Piah berkata, keputusan membina kilang kedua di kawasan perindustrian Bukit Raja pada 2016 dilihat mampu meningkatkan pengeluar-

info

Setakat ini ASSB telah menghasilkan sebanyak 1.5 juta kenderaan

an kenderaan syarikat UMW Toyota Motor.

"Selain itu ia adalah aset terpenting bagi mencapai hasrat Toyota untuk terus menawarkan kenderaan yang terbaik kepada rakyat Malaysia," katanya.

ASSB yang mula beroperasi 2 Januari lalu merupakan kilang pemasangan kenderaan kedua syarikat automotif itu selain di Shah Alam.

Pada majlis itu, UMW Toyota Motors Sdn Bhd mendermakan model terbaru Toyota Yaris kepada Komuniti Muda Selangor (SAY).

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	ADUN KEKALKAN TRADISI BARAAN
MUKA SURAT	33

ADUN kekalkan tradisi baraan

MERU – Tradisi baraan sempena Aidilfitri perlu diteruskan supaya warisan tradisi sejak ratusan tahun itu tidak dilupakan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhurulrazi Mohd Mokhtar berkata, amalan tradisi masyarakat Jawa itu kini kian dilupakan terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Menurut beliau, pihaknya menganjurkan program baraan untuk mengembalikan semula tradisi itu yang sebelum ini diamalkan dengan penuh meriah bagi mengeratkan silaturahim.

“Malah dalam Islam juga turut menggalakkan amalan kunjung-mengunjungi serta ziarah-menziarahi jiran tetangga serta masyarakat setempat.

“Kemeriahan baraan dapat dirasakan apabila penduduk berpakaian baju raya, lengkap bersampin dan bersongkok bagi lelaki, manakala yang perempuan pula berbaju kurung,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Baraan Raya Kampung Mero anjuran Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Meru dengan kerjasama Pertubuhan Penggerak Masyarakat baru-baru ini.

Mohd Fakhurulrazi berkata, beliau bersama peserta berkonvoi rumah ke rumah untuk berkunjung dan menziarahi penduduk setempat.

Pada program itu beliau turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian kepada keluarga kurang berkemampuan di sekitar kawasan DUN Meru.



Mohd Fakhurulrazi (sembilan dari kanan) bersama ahli Penggerak Masyarakat ketika program Baraan Raya Kampung Mero baru-baru ini.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	LEGA JALAN ROSAK DIBAIK PULIH
MUKA SURAT	33

Lega jalan rosak dibaik pulih

PELABUHAN KLANG – Penduduk setempat dan pengguna yang sering menggunakan Jalan Lebuh Sultan Abdul Samad menghala ke Pelabuhan Utara dan Leburaya Selat Klang, di sini lega apabila masalah jalan rosak dan berlubang sejak tiga bulan lalu akhirnya selesai.

Pekerja kilang, Mohd Nor Ibrahim, 45, berkata, jalan berkenaan sudah dibaiki sepenuhnya, sekali gus keselamatan pengguna terjamin.

“Jalan ini merupakan salah satu laluan utama dan soal keselamatan pengguna perlu dititik beratkan.


“Sekarang kami tak perlu bimbang untuk melalui jalan itu. Terima kasih kepada pihak berwajib kerana prihatin dengan masalah terbabit dan mengambil tindakan segera untuk membaikinya,” katanya.

Dirnas Othman, 38, pula berharap masalah jalan berlubang di kawasan itu tidak akan berulang semula.

“Dah banyak kali jalan di sini diturap dan dibaiki,



SEBELUM...Keadaan jalan rosak dan berlubang menyebabkan air bertakung jika hujan sekali gus membahayakan nyawa pengguna.



SELEPAS...Jalan yang rosak dan berlubang sudah dibaik pulih.

namun tak sampai sebulan masalah sama berulang.


“Harap kali ini kerajaan selenggara itu sempurna dan pihak kontraktor guna bahan yang berkualiti sebab jalan ini memang sibuk dan ratusan lori keluar masuk di sini,” katanya.

Sebelum ini *Sinar Ha-*

rian pernah melaporkan keluhan pengguna yang mahu pihak berkenaan segera membaiki jalan rosak terbabit.

Mereka mendakwa jalan yang beberapa kali dibaiki sebelum ini tidak dapat bertahan lama kerana mudah pecah akibat dilalui kenderaan berat.

AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	50 YEARS ON
MUKA SURAT	2



50 YEARS ON ... The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Tengku Permaisuri Norashikin (right) and Tengku Zatashah Sultan Sharafuddin take a closer look at the Toyota Corolla KE10 during the launch of "50 years of producing Toyota vehicles in Malaysia" celebration in Klang yesterday. They were accompanied by UMW's chairman Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman. - **SUNPIX**

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PENJAWAT AWAM DIMINTA TINGKAT PERKHIDMATAN
MUKA SURAT	33

Penjawat awam diminta tingkat perkhidmatan

SEKINCHAN - Penjawat awam di negeri ini diminta mempertingkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, pemberian bonus sehingga tiga bulan gaji kepada penjawat awam negeri ini perlu disusuli peningkatan indeks petunjuk prestasi utama (KPI).

“Saya mahu penjawat awam negeri terus mengekalkan integriti dan memberikan khidmat terbaik kepada rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat DUN Sekinchan di Parit 8 Sekinchan di sini baru-baru ini.

Suee Lim berkata, kerajaan negeri

mahu semua penjawat awam sama ada peringkat negeri dan Persekutuan bekerjasama dalam memastikan agenda rakyat diberikan keutamaan.

“Sekarang semua (agensi kerajaan negeri dan persekutuan) dah bergabung selepas PH mengambil alih Putrajaya.

“Saya mahu agensi kerajaan perkemaskan sistem penyampaian maklumat dan mengurangkan karenah birokrasi,” katanya.

Beliau berkata, rakyat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sekinchan yang tidak berpuas-hati diminta merujuk kepada Pejabat ADUN Sekinchan sekiranya ada permasalahan tidak dapat diselesaikan.

“Kami sentiasa terbuka mendengar pandangan dan teguran,” katanya.



Suee Lim (dua dari kanan) bersama tetamu yang menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat DUN Sekinchan di Parit 8 Sekinchan baru-baru ini.